

# KNOWFUL CAPSULE

Piracetam (400mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan KNOWFUL CAPSULE
2. Bagaimana KNOWFUL CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan KNOWFUL CAPSULE
4. Cara menggunakan KNOWFUL CAPSULE
5. Semasa menggunakan KNOWFUL CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan KNOWFUL CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan KNOWFUL CAPSULE

KNOWFUL CAPSULE digunakan untuk gangguan mental yang disebabkan oleh kemalangan serebrovaskular (penyakit yang terjadi pada salur darah serebrum atau otak), trauma kepala dan penuaan.

## Bagaimana KNOWFUL CAPSULE berfungsi

KNOWFUL CAPSULE mengandungi piracetam yang bertindak secara selektif pada telencephalon (hemisfera cerebral) dengan meningkatkan fungsi-fungsi berkaitan. Ia juga meningkatkan pengeluaran sel-sel otak yang bertenaga dan mengaktifkan potensi *neurophysiological*, terutama dalam keadaan defisit.

## Sebelum mengambil KNOWFUL CAPSULE

### Bila tidak boleh mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada hipersensitiviti terhadap piracetam atau mempunyai hipersensitiviti kepada mana-mana komponen produk .

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat.

## Cara menggunakan KNOWFUL CAPSULE

### Berapa banyak harus diambil

Dos yang disyorkan ialah 2 kapsul (800 mg) 3 kali sehari. Sekiranya kesan yang diinginkan telah diperolehi, kurangkan pengambilan ubat ini secara beransur-ansur kepada 1 kapsul untuk 3 kali sehari.

### Bila perlu diambil

KNOWFUL CAPSULE perlu diambil secara oral setiap hari tiga kali sehari.

### Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan KNOWFUL CAPSULE

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan KNOWFUL CAPSULE.
- Maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda mengandungi semasa mengambil ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor.
- Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Kecuali dalam beberapa kes akut di mana kesannya dapat dilihat dengan serta-merta, penyembuhan biasanya dapat dilihat dari minggu ketiga. Untuk mendapatkan kesan yang lebih baik , pengambilan ubat ini hendaklah diteruskan walaupun setelah habis tempoh yang ditetapkan.

## Kesan-kesan sampingan

KNOWFUL CAPSULE didapati mempunyai tahap toleransi yang baik dalam kajian jangka panjang dan tiada kesan klinikal yang serius atau luar biasa dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers*→*Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan KNOWFUL CAPSULE

### Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

### Cara pelupusan

KNOWFUL CAPSULE perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin yang keras dimana setengah daripadanya berwarna hijau dan setengah lagi berwarna kuning. Kapsul ini mengandungi serbuk putih berhablur.

### Bahan kandungan

Bahan aktif-  
Piracetam

Bahan-bahan tidak aktif-  
Lactose  
Magnesium Stearate  
Talc

*Silicon Dioxide*  
*Aerosil*

Nombor MAL  
MAL19940297A

**Pengilang**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan  
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000  
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan  
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000  
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP :**

05 Mei 2015

**No. Siri:**

BPFK(R4/1)050115/00002